

Soalan No: 22

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH  
[BUKIT GELUGOR]

**TARIKH :** 2.8.2017

**SOALAN :**

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sama ada sekolah agama di negara ini termasuk dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan dan sama ada dasar-dasar pendidikan Kerajaan juga terpakai kepada sekolah-sekolah tersebut agar mengelakkan kejadian-kejadian seperti yang menimpa seorang pelajar sekolah tahfiz, Mohd Thaqif Amin baru-baru ini. Sekiranya tidak, nyatakan sebabnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga kategori institusi pendidikan agama yang sedang beroperasi di negara ini iaitu;

1. Institusi pendidikan kerajaan seperti sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan sekolah berasrama penuh integrasi (SBPI);
2. Institusi pendidikan bantuan kerajaan seperti sekolah agama bantuan kerajaan (SABK); dan
3. Institusi pendidikan swasta seperti sekolah agama persendirian, sekolah agama swasta, sekolah agama rakyat, sekolah tahfiz dan pondok.

Walaupun bidang pendidikan berada dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, namun bidang pendidikan Agama Islam diurus tadbir oleh Pihak Berkuasa Negeri. Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] telah mengecualikan pendaftaran sesuatu institusi sekiranya institusi tersebut membuat pengajaran agama semata-mata. Namun begitu, sekolah agama boleh berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tujuan pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan. Sekolah agama yang berdaftar dengan KPM di bawah peruntukan Akta 550 adalah tertakluk kepada semua peruntukan Akta dan peraturan yang berkaitan.

RJM62